

28/03/1997

Hutan Hulu Klang teruk diteroka

KUALA LUMPUR, Khamis - Beberapa kawasan di Bukit Antarabangsa, Hulu Klang, sudah dibersihkan dan dijadikan teres untuk projek pembangunan.

Tinjauan Berita Harian menggunakan helikopter petang ini mendapati, beberapa bukit kecil sudah diratakan bagi penyediaan tapak, manakala satu daripada puncak bukit diratakan sepenuhnya.

Hampir keseluruhan pokok di beberapa bukit lagi sudah ditebang dan kerja membuat teres giat dijalankan.

Tinjauan kira-kira 350 meter hingga 500 meter dari udara di kawasan itu juga mendapati pokok yang ditebang masih bertaburan di kaki bukit terbabit dan beberapa jentolak kelihatan meratakan kawasan.

Muka depan akhbar ini semalam melaporkan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyiasat kegiatan pembukaan tanah secara besar-besaran di Selangor.

Arahan itu, yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri dalam mesyuarat Kabinet minggu lalu, dibuat berikutan kebimbangannya terhadap kegiatan pembukaan hutan yang besar di Selangor.

Dr Mahathir mengetahui kegiatan itu selepas melihat dari udara ketika terbang pulang selepas melawat Taman Negara, Selasa lalu.

Semalam, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata pihaknya percaya sekurang-kurangnya empat kawasan mungkin terbabit dalam kegiatan pembukaan tanah secara besar-besaran di Selangor termasuk satu kawasan yang bukitnya diratakan dan pokoknya ditebang.

Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib pula mengarahkan pemaju yang menjalankan kerja tanah di tapak seluas kira-kira 138 hektar di PT13431, Mukim Hulu Klang menghentikan semua kegiatan pembersihan tanah di kawasan itu berkuatkuasa semalam.

Tinjauan kira-kira sejam petang ini juga mendapati, tanah berkenaan kelihatan kemerahan dan dipercayai mudah mengalami hakisan jika hujan lebat. Kawasan yang diratakan itu berdekatan kawasan kediaman, khususnya beberapa taman perumahan di Bukit Antarabangsa, termasuk Taman Mulia.

Kawasan Bukit Antarabangsa paling ketara membabitkan perataan bukit berbanding sekitar Hulu Klang, Gombak dan Ampang. Di sekitar kawasan Gombak, khususnya berhampiran Kampung Lalang, kerja meratakan tanah turut dilakukan sebelum ini dan banyak jentolak dan lori didapati tersadai di kawasan itu.

Kerja membersihkan dan meratakan kawasan itu dipercayai sudah diberhentikan dan belum ada tanda kerja baru dimulakan.

Berhampiran Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak, kesan kegiatan pembalakan jelas dilihat dengan beberapa longgokan kayu balak diletak di kaki bukit.

Sisa tebingan serta pokok tumbang kelihatan dengan jelas di kaki bukit manakala beberapa lori balak dan jentolak berada di kawasan berkenaan.

(END)